

Soalan

SAYA remaja 15 tahun dan kini berdepan masalah dengan kekasih. Perkenalan dengan gadis A ketika dia berusia 13 tahun.

Hubungan kami bermula sebagai kawan dan semakin hari hubungan semakin rapat dan saya sentiasa memberi dia semangat. Dia pernah memberitahu saya, dia mempunyai penyakit yang tidak mungkin sembuh.

Dia menganggap saya sebagai teman yang selalu memberinya harapan untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik. Suatu hari, dia meluahkan perasaannya dan saya menerima seadanya. Hubungan kami pada mulanya berjalan lancar namun selepas itu semakin suram.

Hubungan itu bertahan selama sebulan hinggalah dia memutuskan untuk berpisah tanpa sebab.

Saya masih mempunyai perasaan yang mendalam terhadapnya dan merancang untuk menggunakan laman sosial abang saya untuk bertanyakan hal itu kepadanya. Saya takut untuk menggunakan laman sosial sendiri kerana selepas kami berpisah, saya tidak pernah menegur dia lantaran sukar menerima kenyataan.

Sekiranya saya menggunakan laman sosial sendiri, saya tidak mahu dia menganggap saya masih cintakan dia walaupun hakikatnya begitu. Saya tidak mahu hidup terus dibayangi tanda tanya. Saya

Guna laman sosial abang hubungi bekas kekasih

mahu semuanya jelas dan ingin melupakannya.

Perlukah saya menggunakan laman sosial abang untuk bertanya kepadanya supaya tidak timbul rasa serba salah? Bantulah saya Dr.

**Peminat Laman Sosial
Kedah**

Jawapan

KUASA cinta memang kuat. Plato, seorang ahli pujangga menyatakan dengan sentuhari cinta setiap orang menjadi penyair. Cinta atau kasih sayang yang suci dapat dilihat daripada pengorbanan seseorang, bukanlah daripada pemberian semata-mata.

GW Von Leibnitz menjelaskan mencintai ertinya berbahagi kebahagiaan demi kebahagiaan orang yang kita cintai. Maksudnya, jika adik benar-benar sayang kepada A, ada pengorbanan yang perlu adik lakukan. Dalam berkasih, adalah lumrah jika memberikan seluruh kasih kepada seseorang namun bukanlah jaminan dia membalas cinta.

Jangan mengharapkan balasan cinta daripada A. Ini kerana cinta yang dikaitkan dengan kepentingan peribadi boleh berubah menjadi putus asa. Sebaliknya, tunggulah

sampai perasaan kasih dan sayang itu berkembang di hatinya. Namun, jika tidak, berbahagialah kerana kasih dan sayang tumbuh di hati adik.

Bagi mengetahui mengapa A memutuskan hubungan, adalah lebih baik adik berterus terang dengannya. Ini bagi mengelakkan supaya adik berhenti dibayangi tanda tanya. Ada banyak sebab mengapa seseorang memutuskan hubungan. A ada sebab tersendiri mengapa dia menyepi daripada adik. Ia tidak semestinya disebabkan perlakuan atau tingkah laku adik.

Apa-apa pun, cara terbaik adalah dengan bertanya sendiri kepada A. Kata mereka yang bijak, sungguh menyakitkan mencintai seseorang yang tidak mencintaimu, tapi lebih menyakitkan mencintai seseorang dan kamu tidak pernah memiliki keberanian untuk menyatakan cintamu kepadanya.

Selepas adik mengetahui perasaan sebenar A, adik tentunya menjadi lebih tenang. Sama ada perhubungan diteruskan atau tidak, sekurang-kurangnya, adik mengetahui keadaan sebenar. Menggunakan laman sosial

abang boleh menyukarkan keadaan. Ini kerana adik tidak bersifat jujur dalam perhubungan ini selain mencero boh hak abang adik. Seterusnya, hubungan adik menjadi tontonan umum kerana ia disiarkan di laman sosial.

Perkara yang adik perlu lakukan adalah belajar menerima kenyataan bahawa dalam setiap percintaan boleh berlaku perpisahan. Namun tidak bermakna dengan perpisahan ini, adik tidak boleh menjadi kawan A yang baik. Perpisahan boleh dimanfaatkan dengan adik bersifat ikhlas untuk berkawan dengannya dan membantunya.

Apabila adik tidak pernah menegur A selepas perpisahan, ini juga menunjukkan bahawa adik sendiri sudah serius untuk menoktahkan hubungan itu. Pepatah ada menyatakan 'Sepalah setiap temanmu dengan sebaris kalimat 'hai', suatu saat dia pasti menyapamu dengan kalimat 'hai apa kabar, di mana sekarang?'

Satu-satunya cara supaya kita memperoleh kasih sayang adalah jangan menuntut supaya kita dicintai, tapi mula memberi kasih sayang kepada orang lain tanpa mengharapkan balasan.

Rasa bersalah sentuh kemaluan kanak-kanak

Soalan

TERIMA kasih kerana memberi ruang untuk saya berkongsi dan bercerita permasalahan yang sudah lama menjadi titik hitam dalam hidup ini selain diharap ia mampu menjadi pengajaran serta iktibar kepada orang lain.

Saya berusia 24 tahun dan sedang melanjutkan pengajian sarjana di sebuah institusi pengajian tinggi awam. Saya dilahirkan dalam keluarga susah namun bahagia malah ayah dan ibu sangat menitikberatkan soal agama serta menerapkan nilai-nilai murni.

Alhamdulillah segala penat lelah mereka tidak disia-siakan oleh saya serta adik-adik yang lain. Untuk pengetahuan Dr saya anak sulung dan menjadi abang contoh dalam keluarga. Tapi dalam kebahagiaan dan kejayaan yang saya kecapai, terdapat kisah hitam yang sering menghantui diri.

Ketika saya berumur 13

tahun, saya pernah menyentuh kemaluan seorang kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun ketika itu. Saya melakukannya kerana ingin tahu dan tidak terfikir kesannya. Ini mungkin kerana saya didehidahkan dengan video lucah oleh rakan-rakan.

Kejadian ini hanya berlaku sekali saja dan keluarga saya sudah berpindah ke tempat lain. Apabila meningkat dewasa saya berasakan ini satu kesilapan besar. Saya bimbang perkara ini diketahui orang lain.

Persoalannya, adakah tindakan saya menyembunyikan perkara itu adalah betul? Saya juga ingin mendapat cadangan daripada Dr untuk menyelesaikan perkara ini.

**Educated Idiot,
Kuala Lumpur.**

Jawapan

TAHNAH kerana menjadi abang contoh dalam

keluarga, Dr bangga kerana adik seorang yang minat menuntut ilmu. Semangat untuk terus maju dalam pelajaran walaupun datang dari keluarga susah amat Dr puji. Berdasarkan semangat dan kualiti diri yang ada pada adik, Dr yakin adik pasti menjadi insan berjaya dalam kehidupan dan kerjaya satu hari nanti.

Mengetahui sejarah hitam kehidupan ketika remaja, Dr simpati dengan perasaan yang dialami. Dr akui, perasaan menyakitkan yang disimpan terlalu lama boleh menyebabkan individu berasa tertekan hingga ke tahap kemurungan dan depresi.

Tindakan adik meluahkan masalah, ia adalah satu kelegaan perasaan.

Boleh dikatakan, setiap insan mempunyai kisah hitam. Sebagai manusia biasa, adik tidak terlepas daripada membuat kesilapan. Perkara

yang lebih penting adalah menyedari kesilapan itu dan tidak mengulanginya lagi.

Dari sudut psikologi, kebanyakan kanak-kanak mempunyai persoalan mengenai seksualiti. Antara cara kanak-kanak belajar mengenai seksualiti adalah melalui eksplorasi badan mereka juga tubuh badan orang lain. Menyentuh kemaluan seorang kanak-kanak perempuan adalah satu bentuk eksplorasi.

Perasaan ingin tahu manusia dilihat paling memuncak ketika zaman remaja. Ahli psikologi menjelaskan salah satu punca utama kehamilan peringkat muda adalah rasa ingin tahu remaja mengenai seks dan tekanan rakan sebaya.

Akhir kata, Dr ucapkan selamat berjaya kepada adik. Segala kesalahan masa lalu jangan diulangi dan dijangka sempadan untuk mengharungi masa hadapan.